



## Pindah wang hanya ke akaun sendiri bermula 1 Julai - TH

BERNAMA

Kuala Lumpur: Bermula 1 Julai, Lembaga Tabung Haji (TH) membenarkan pemindahan wang daripada akaun simpanan TH ke akaun bank sendiri saja.

Dalam satu kenyataan, TH meneruskan usaha memperkukuh keselamatan perkhidmatan digitalnya dengan menambah baik kawalan teknologi demi keselesaan dan keselamatan urusan kewangan pendeposit.

"Pendeposit juga hanya boleh mengaktifkan kad ATM dengan akaun TH menerusi mesin ATM dan bukan melalui perkhidmatan perbankan dalam talian bank-bank rakan strategik TH," menurut kenyataan itu.

Langkah itu satu daripada usaha TH dalam memastikan para pendeposit tidak terjerat dalam perangkap pihak tidak bertanggungjawab atau scammer kerana TH memandang serius terhadap penipuan yang berlaku membabitkan pendeposit melalui perbankan Internet bank-bank rakan strategik TH.

"TH sentiasa cakna dan prihatin akan keselamatan urusan para pendeposit. Justeru, TH akan terus berusaha untuk memperkasakan lagi perkhidmatan digital TH demi keselesaan para pendeposit," kata Pengarah Eksekutif Operasi TH Mohamad Ameen Abdul Wahab dalam kenyataan berkenaan.

TH juga sentiasa melakukan kemas kini dan memperketat kawalan keselamatan teknologi sedia ada secara berterusan bagi memastikan semua transaksi yang dilakukan oleh pendeposit adalah selamat.

Orang ramai boleh merujuk laman web rasmi TH, [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau terus menghubungi Pusat Panggilan TH (THCC) menerusi talian 03-6207 1919 bagi mendapatkan maklumat lanjut atau sebarang perkhidmatan lain yang ditawarkan.

Disiarkan pada: Jun 20, 2023 @ 5:56pm